

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 17/07/2018
Edisi / Muka Surat : Nasional / 19
Tajuk : Wujud dasar mesra koperasi

Sinar Harian (ms 19) 17/07/2018

Wujud dasar mesra koperasi

KUALA LUMPUR - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mahu dasar dan undang-undang yang bersifat membatasi peranan koperasi dikaji semula, kata presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Beliau berkata, dasar 'mesra koperasi' penting kerana institusi itu turut menyumbang kepada ekonomi negara dan sehingga kini terdapat 28 garis panduan ditetapkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang perlu dipatuhi semua gerakan koperasi.

"Beberapa dasar itu jelas dilihat mengehadkan peranan koperasi untuk mencatat prestasi maksimum contohnya seperti usaha untuk menjalankan perniagaan. Sekiranya mahu menjalankan perniagaan, koperasi harus menubuhkan anak syarikat.

"Proses menubuhkan anak syarikat akan mengambil masa lama (kerana) ia perlu melalui mesyuarat agung selain perlu mendapatkan kebenaran SKM terlebih dahulu sebelum dapat mendaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat bersama Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) di Menara Ilham, semalam.

Beliau berkata, pada masa ini, sumbangan sektor koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kira-kira tiga hingga empat peratus dan ia jumlah yang kecil dan perlu dipertingkatkan. Abdul Fattah juga berkata Angkasa akan berusaha menjadikan sektor peruncitan sebagai sektor keutamaan dalam memperkasa dan memperkukuh pertumbuhan koperasi dalam negara.

"Dalam segmen peruncitan, ia dapat menggalakkan aktiviti pengeluaran dalam kalangan anggotanya dan ia juga termasuk produk pertanian yang mempunyai potensi untuk dibangunkan. Bidang peruncitan secara langsung dapat mengurangkan kos sara hidup anggota koperasi," katanya. - Bernama

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA